

# UMS tingkat kemasukan pelajar bidang sains dan teknologi

NS1 22.3.2019 7

Oleh NOOR ZAFIRA SHAFIE

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) mengambil langkah untuk meningkatkan kemasukan pelajar khususnya di universiti itu dalam bidang sains dan teknologi.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr Rasid Mail berkata UMS komited dalam mendukung inisiatif kerajaan dalam meningkatkan jumlah pelajar aliran sains di peringkat sekolah menengah dan universiti.

"Fenomena kini, kita memerlukan banyak saintis

untuk menuju ke arah negara maju dan berevolusi namun kita mengalami kepupusan calon dalam bidang pengajian sains.

"Untuk itu, PPST, UMS akan memainkan peranan secara berterusan untuk memastikan keperluan dalam bidang sains, teknologi dan fizik mampu ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan Majlis Perasmian dan Penutupan Karnival STEM Asasi Sains UMS 2019 anjuran PPST.

Karnival yang berlangsung selama dua hari itu turut disertakan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran sains dan pertandingan berunsur sains dan fizik.

Antaranya adalah Pertandingan Inventor Muda dan Pertandingan Sci-show Saintis Muda.

"Usaha kita ini adalah untuk menarik minat dan memberi pendedahan awal bidang ini kepada para pelajar di peringkat sekolah menengah khasnya di negeri Sabah.

"Kita berbesar hati kerana telah menerima 25 penyertaan untuk Pertandingan Sci-show Saintis Muda dan kita akan berusaha untuk menambah lagi bilangan ini pada masa akan datang," kata Rasid.

Beliau turut menegaskan bahawa pendidikan berkualiti dalam bidang sains sekaligus kemahiran insaniah perlu ditingkatkan.

"Saya yakin PPST akan sentiasa memberi khidmat untuk pendidikan berkualiti serta kemahiran insaniah untuk bakal pelajar yang akan melanjutkan pengajian di sini," katanya lagi.

Turut hadir, Pengarah PPST UMS, Prof. Madya Dr. Sazmal Effendi Arshad.



ALBUM KENANGAN .... Semua peserta bersama guru pengiring bergambar kenangan.